

'Najib tandatangan cek pengeluaran bernilai RM22.6j

Hasil analisis metodologi FIFO dapati transaksi dibuat menerusi dana syarikat 1MDB GIL: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menandatangani lima cek pengeluaran berjumlah RM22.6 juta yang dikenal pasti diterima dalam akaun peribadinya melalui dana haram daripada syarikat 1MDB Global Investment Sdn Bhd (1MDB GIL).

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Asisten Komisioner (ACP), Foo Wei Min, 47 berkata hasil analisis metodologi First In First Out (FIFO) ke atas akaun Najib dengan nombor berakhir 9694 mendapati sebanyak lima transaksi membabitkan penggunaan wang haram 1MDB GIL peringkat Tanore.

Saksi pendakwaan ke-48 itu berkata, ia dikenal pasti menerima dana haram 1MDB GIL menerusi cek yang diterbitkan daripada akaun bekas perdana menteri itu.

"Semua cek berkenaan ditandatangani Datuk Seri Najib sendiri," katanya.

Pegawai penyiasat kanan itu seterusnya mengesahkan menerusi

siasatannya, bahawa dana 1MDB GIL yang diselewengkan pada peringkat Tanore berjumlah RM20 juta diterima akaun CIMB Bank milik UMNO pada 2 Ogos 2013, menerusi cek bertarikh 1 Ogos 2013 daripada akaun Najib yang ditandatangani.

Wei Min yang membacakan pernyataan saksinya sepanjang prosiding, berkata mengikut pengesahan daripada Bendahari UMNO, Datuk Sri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah ketika itu, UMNO sudah menerima wang berkenaan.

Saksi itu turut mengesahkan UMNO Bahagian Batu Kawan turut menerima dana 1MDB GIL yang diselewengkan melalui siasatan dan analisa FIFO peringkat Tanore berjumlah RM100,000 diterima oleh akaun Maybank bahagian itu pada 7 Ogos 2013 menerusi cek milik akaun AmBank yang ditandatangani Najib.

Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Pulau Pinang Datuk Mohd Noor Ahmad, mengesahkan menerima cek berkenaan daripada Najib sendiri dan digunakan untuk tujuan politik di kawasannya.

Selanjutnya, saksi itu berkata pada sesi pemeriksaan utama, Najib turut mengeluarkan cek bernilai RM246,000 kepada ahli perniagaan, Lim Soong Peng pada 7 Ogos, cek bernilai RM2 juta kepada Orb Solutions Sdn Bhd dan cek bernilai RM303,000 kepada Semarak Konsortium Satu Sdn Bhd masing-masing pada 12 dan 14

Ogos 2013.

Wei Min berkata, Pengarah Orb Solutions, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin menerima cek RM2 juta kerana syarikat terbabit menawarkan perkhidmatan publisiti Najib di media sosial dan seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Blog persendirian tertuduh.

Pemilik Semarak Konsortium, Datuk Mohd Omar Mustapha pula menerima RM22 juta kerana menyediakan perkhidmatan pasukan media antarabangsa dan penulis ucapan bahasa Inggeris kepada Najib.

"Antara penulis antarabangsa yang terbabit seperti Paul Stadlen, Charlotte Carr, Alexander Marklew, Benedict Macon Cooney," katanya.

Dalam pada itu, Wei Min turut menjelaskan bahawa wang haram daripada syarikat pelaburan, Tanore Finance Corporation, berjumlah AS\$681 juta (RM2.081 bilion) yang diterima akaun peribadi Najib dapat diasingkan dengan wang sumber lain dan yang sedia ada dalam akaun itu.

Katanya, ia ditentukan selepas pihaknya menjalankan siasatan analisis dan jejak wang menerusi metodologi FIFO ke atas penyata akaun bank berkenaan.

Beliau berkata, siasatan dan analisa kaedah FIFO adalah penggunaan teknik perakaunan ke atas pengiraan aliran wang keluar dan masuk ke atas suatu penyata akaun bank bagi menentukan jumlah wang hasil perolehan haram mengikut formula di dalam Microsoft Excel.

